




MINGGU

10

# IBADAT UMRAH, NIAT BERSYARAT, TAWAF WADA' DAN ZIARAH MADINAH



*Hadirku sebagai Dhuyufurrahman  
Kembaliku dengan kemaburuan*



 +603 6207 1919  
Tabung Haji Contact Centre

 [www.facebook.com/tabunghaji](http://www.facebook.com/tabunghaji)

 [www.twitter.com/tabung\\_haji](http://www.twitter.com/tabung_haji)

 [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)

TALBIAH  
LAFAZ & MAKNA

لَبِيْكَ اللَّهُمَّ لَبِيْكَ، لَبِيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبِيْكَ،  
إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ



Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu ya Allah.

Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu.

Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu.

Tuhan yang tiada sekutu bagi-Mu.

Hamba-Mu datang menyahut panggilanMu.

Sesungguhnya segala puji dan nikmat dan kerajaan  
adalah kepunyaanMu, tiada sekutu bagiMu.

## KANDUNGAN

**01 Pengertian, rukun dan wajib umrah**

**02 Cara-cara mengerjakan umrah**

**03 Niat bersyarat**

**04 Pengertian dan Hukum Tawaf Wada'**

**05 Permasalahan berkaitan Tawaf Wada'**

**06 Ziarah Madinah**

**MINGGU 10**

**IBADAT UMRAH, NIAT BERSYARAT, TAWAF WADA' DAN ZIARAH MADINAH**

# **UMRAH**


 +603 6207 1919  
Tabung Haji Contact Centre

 [www.facebook.com/tabunghaji](http://www.facebook.com/tabunghaji)

 [www.twitter.com/tabung\\_haji](http://www.twitter.com/tabung_haji)

 [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)

## UMRAH



### PENGERTIAN UMRAH

Umrah ialah mengunjungi Baitullah Al-Haram (Ka'bah) di Makkah pada bila-bila masa untuk mengerjakan ibadat tertentu menurut syarat-syaratnya.



وَأَتِمُوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَة لِلَّهِ

“ Dan tunaikanlah haji dan umrah kerana Allah S.W.T”.

Surah Al-Baqarah : Ayat 196

## UMRAH

### RUKUN UMRAH



- Niat Ihram Umrah
- Tawaf
- Sa'ie
- Bergunting/  
Bercukur
- Tertib Pada  
Semua Rukun

### WAJIB UMRAH

Niat Ihram Umrah Di Miqat\*

Meninggalkan Perkara  
Larangan Semasa  
Dalam Ihram



\*Niat ihram umrah adalah rukun, berniat ini wajib dilakukan di Miqat (harus berniat ihram sebelum Miqat)

\*Setelah berniat ihram (di Miqat atau sebelumnya) wajib meninggalkan larangan dalam ihram

## UMRAH

### MEMAKAI PAKAIAN IHRAM



**Dua helai kain lepas  
(tidak bercantum)  
sehelai dipakai untuk  
menutup auratnya di  
antara pusat dan lutut  
dan sehelai lagi dibuat  
selendang. Disunatkan  
berwarna putih**



**Pakaian ihram bagi  
wanita pula hendaklah  
menutup semua anggota  
tubuh selain muka dan  
dua pergelangan tangan  
(tiada pakaian khusus  
seperti jemaah haji  
lelaki)**

## UMRAH

### PAKAIAN IHRAM

#### PAKAIAN LELAKI SEMASA IHRAM SECARA IDTIBA' (menampakkan bahu kanan)



- Hanya sunat dipakai semasa tawaf yang diiringi dengan sa'ie sahaja atau semasa sa'ie sahaja
- Tidak disunat dipakai secara idtiba' semasa di lokasi lain seperti stesyen berlepas dan sebagainya
- Begitu juga ketika solat (makruh), elak secara idtiba'

## UMRAH

### PAKAIAN IHRAM

#### PAKAIAN LELAKI SEMASA IHRAM TANPA IDTIBA' (biasa)



##### Contoh-contoh Selipar / Sandal Yang Dibenarkan



## UMRAH

### PAKAIAN IHRAM WANITA



Perhatian :

- Elak dari bersolek – tanpa keperluan – elak fitnah dan riyak
- Pastikan aurat di jaga
- Kain telekung dan pakaian yang bersesuaian agar tidak menampakkan bentuk badan/aurat
- Disyorkan memakai stokin tebal dan panjang supaya tidak menampakkan aurat
- Elak dari memakai cermin mata yang besar sehingga menutup muka



## UMRAH

### PASTIKAN NAMPAK KELIMA-LIMA ANAK JARI



## **UMRAH**

### **SUNAT IHRAM**

- **AMALAN SUNAT SEBELUM NIAT IHRAM**
- Mengerat kuku
- Merapikan janggut, misai dan rambut
- Menanggalkan bulu ketiak, ari-ari dan sebagainya
- Mandi sunat ihram
- Mengambil wuduk
- Memakai minyak rambut
- Memakai kain ihram berwarna putih
- Solat sunat ihram

- **AMALAN SUNAT SEMASA NIAT IHRAM**
- Mengadap ke arah kiblat
- Berada dalam keadaan wuduk

- **AMALAN SUNAT SELEPAS BERNIAT IHRAM**
- Bertalbiah, berdoa, bacaan Al-Quran, zikir
- Elak dari berbual kosong (lagha)

## **UMRAH**

### **NIAT MENGERJAKAN UMRAH**

Lafaz

نَوَّيْتُ الْعُمْرَةَ وَأَحْرَمْتُ بِهَا لِلَّهِ تَعَالَى.

Niat/  
hadirkan  
Dalam  
Hati

**SAHAJA AKU MENGERJAKAN UMRAH  
DAN AKU BERIHRAM DENGANNYA  
KERANA ALLAH TAALA**



## UMRAH

### MIQAT UMRAH

Miqat Makani (Tempat) Bagi Penduduk Luar Makkah


- Yalamlam - yang datang dari arah Yaman
- Bir Ali - yang datang dari arah Madinah
- Al- Juhfah - yang datang dari arah Syam
- Qarn Al Manazil - yang datang dari arah Asia
- Zatu 'Irqin - yang datang dari arah Iraq



Miqat Makani (tempat) Umrah bagi jemaah atau penduduk yang berada dalam Makkah iaitu keluar ke Tanah Halal seperti:

- Ji'ranah
- Tan'im
- Hudaibiyyah (Shumaisiy)





## LARANGAN IHRAM

### 13 LARANGAN IHRAM

#### JENIS TARAFFUH (Bersuka/Berseronok/Berhias)

1. Menutup kepala (lelaki)
2. Pakaian bersarung (lelaki)
3. Menutup muka (perempuan)
4. Sarung tangan
5. Bau-bauan
6. Minyak di kepala & janggut
7. Muqadimah jima'
8. Bersetubuh
9. Nikah kahwin



**Sengaja:** Berdosa & dikenai dam.

**Tidak sengaja/Jahil:** Tidak berdosa & Tidak dikenakan dam.

## LARANGAN IHRAM

### 13 LARANGAN IHRAM

JENIS ITLAF (Menggugur/Menghilang/  
Merosak/Membinasa)

10. Rambut atau bulu di badan
11. Kuku
12. Memburu & membunuh binatang buruan
13. Menebang, mencabut pokok atau tumbuh-tumbuhan



**Sengaja:** Berdosa & dikenakan dam

**Tidak sengaja/Jahil:** Tidak berdosa tetapi dikenakan dam

# LARANGAN IHRAM

## 13 LARANGAN IHRAM

### JENIS TARRAFUH

(Bersuka/Berseronok/Berhias)

1. Menutup kepala (lelaki)
2. Pakaian bersarung (lelaki)
3. Menutup muka (perempuan)
4. Sarung tangan
5. Bau-bauan
6. Minyak di kepala & janggut
7. Muqadimah jima'

8. Bersetubuh

9. Nikah kahwin

⚠ **Sengaja:**

Berdosa & dikenakan dam.

**Tidak sengaja/Jahil:**

Tidak berdosa &

Tidak dikenakan dam.

THCC +603 6207 1919

f www.facebook.com/tabunghaji

t www.twitter.com/tabung\_haji

www.tabunghaji.gov.my

Dam  
Takhyir  
& Taqdir

Dam  
Takhyir  
& Ta'dil

Dam  
Tertib  
& Ta'dil

Tiada Dam  
Nikah  
tidak sah

### JENIS ITLAF

(Menggugur/Menghilang/  
Merosak/Membinasa)

10. Rambut atau bulu di badan
11. Kuku
12. Memburu & membunuh binatang buruan
13. Menebang, mencabut pokok atau tumbuh-tumbuhan




**Sengaja:** Berdosa & dikenakan dam

**Tidak sengaja/Jahil:** Tidak berdosa tetapi dikenakan dam.

## UMRAH

## TAWAF DAN PENGERTIANNYA

Mengelilingi Ka'bah sebanyak tujuh (7) pusingan dengan syarat-syaratnya



# UMRAH

## SYARAT-SYARAT SAH TAWAF

### Menutup Aurat

Cukup 7 pusingan dengan yakin.

Mengekalkan niat tawaf

Dilakukan Dalam Masjidil Haram Dan Di Luar Kaabah Termasuk Hija Ismail dan Syazarwan

Suci Daripada Hadas besar dan kecil

Suci Badan/ Pakaian/ Tempat Tawaf Daripada Najis


Bermula Pada Sudut Hajarul Aswad Dan Berniat Tawaf Jika Tawaf Wada'/Sunat/Nazar

Menjadikan Baitullah Di Sebelah Kiri Dan Berjalan Ke Hadapan



## UMRAH

### JENIS – JENIS TAWAF



## UMRAH

Berjalan Kaki

Mengucup Hajarul Aswad pada permulaan tawaf

Istilam/ Isyarat Istilam ke arah Hajarul Aswad sambil bertakbir lalu mengucup tapak tangan dan Istilam/ Isyarat Istilam ke arah Rukun Yamani sambil bertakbir tanpa perlu mengucup tapak tangan

1

2

3

4

5

6

7

8

9

Beridtiba' bagi Tawaf diiringi dengan Sa'ie (lelaki)

Melakukan Ramal (Berlari anak) pada 3 pusingan pertama, bagi tawaf yang diikuti dengan Sa'ie (lelaki )

Muwalat/ berturut-turut tujuh (7) kali pusingan

Membaca Al-Quran, zikir dan doa

## AMALAN SUNAT TAWAF

Tawaf dengan khusyuk dan tawadhu

Mendirikan Solat Sunat Tawaf

## **UMRAH**

### **SA'IE**

#### **PENGERTIAN**

**Berjalan ulang-alik antara Bukit Safa dan Bukit Marwah menurut syarat-syaratnya**

**SYARAT  
SAH  
SA'IE**


**AMALAN  
SUNAT  
SA'IE**



MINGGU 10

IBADAT UMRAH, NIAT BERSYARAT, TAWAF WADA' DAN ZIARAH MADINAH

## UMRAH



THCC +603 6207 1919  
Tabung Hajj Contact Centre

f www.facebook.com/tabunghaji

t www.twitter.com/tabung\_haji

www.tabunghaji.gov.my


## **UMRAH**

### **SYARAT SAH SA'IE**

- 1 Dilakukan selepas Tawaf Umrah**
- 2 Bermula dari Bukit Safa dan berakhir di Bukit Marwah**
- 3 Cukup 7 Kali berulang alik dengan yakin. Dari Bukit Safa ke Bukit Marwah dikira sekali dan dari Bukit Marwah ke Bukit Safa dikira sekali**
- 4 Hendaklah sampai ke penghujung tempat Sa'ie di kaki Bukit Marwah dan di kaki Bukit Safa pada setiap pusingan**
- 5 Hendaklah Sa'ie di Batnulwadi (tempat yang termaklum)**
- 6 Mengekalkan Niat Sa'ie**

# UMRAH

## AMALAN SUNAT SA'IE



## UMRAH

## BERCUKUR ATAU BERGUNTING

### PENGERTIAN BERCUKUR ATAU BERGUNTING

- Menanggalkan/menghilangkan sekurang-kurangnya tiga (3) helai rambut di kepala dengan menurut syarat-syarat sahnya :
  - Waktu bergunting ialah selepas Sa'ie
  - Rambut di kepala
  - Tidak kurang 3 helai rambut
- Afdal bercukur bagi lelaki dan bagi wanita memadai hanya bergunting rambut sekadar seruas jari




Sekiranya tiada rambut, boleh melalukan pisau cukur sahaja

# UMRAH

## TERTIB

**TERTIB DIKIRA SAH APABILA  
RUKUN UMRAH DILAKUKAN  
MENGIKUT SUSUNAN YANG TELAH  
DITETAPKAN**  
(PERKARA YANG DAHULU DI DAHULUKAN,  
PERKARA YANG KEMUDIAN DI KEMUDIANKAN)



## UMRAH

## CARA MENGERJAKAN UMRAH

### Di Mana-mana Sebelum Berniat

- Mandi Sunat Ihram SUNAT
- Memakai Pakaian Ihram WAJIB
- Sembahyang Sunat Ihram SUNAT

### Di Miqat

- Niat Ihram Umrah RUKUN
- Niat Umrah Di Miqat WAJIB

### Selepas Niat Sehingga Bergunting

- Menjaga Larangan Dalam Masa Berihram WAJIB

### Selepas Niat Sehingga Mula Tawaf

- Talbiah SUNAT

### Di Baitullah

- Tawaf Umrah RUKUN

### Di Mas'a

- Sa'ie Umrah RUKUN

### Di Marwah / Di Mana-mana


- Bercukur Atau Bergunting RUKUN

Tertib Laksanakan Semua Rukun

RUKUN

## UMRAH

# PERGERAKAN MENGERJAKAN UMRAH BAGI JEMAAH HAJI YANG TELAH BERADA TANAH SUCI



## UMRAH



# PERHATIAN

1

Bagi Jemaah Haji Tamattu', sementara menunggu hari 8 Zulhijjah, mereka boleh melakukan umrah sunat beberapa kali. Niat umrah hendaklah dilakukan di Tanah Halal seperti Tana'im.

2

Namun dinasihatkan kepada Jemaah Tamattu' agar mereka tidak melakukan umrah apabila masuk 1 Zulhijjah. Sebagai persiapan dari segi kesihatan dan fizikal untuk memulakan kerja-kerja Haji pada 8 Zulhijjah nanti.

3

Bagi Jemaah Tamattu' yang telah selesai kerja-kerja Umrah dan Haji, boleh mengulangi umrah sebelum pulang ke tanah air, jika berkesempatan.

## UMRAH



# PERHATIAN

4

Jika telah berniat ihram Umrah walaupun umrah sunat, Jemaah wajib menyelesaikan semua amalan berkaitan ibadat Umrah seperti tawaf, saie dan bergunting sehingga sempurna Umrah (jika tidak sempurna, akan dikenakan dam).

5

Niat ihram umrah sunat tidak boleh dibatalkan sesuka hati walaupun dalam keadaan uzur, kecuali jika Jemaah telah pun niat ihram bersyarat. (Pekeliling Ibadat Bil.1/2013)

6

Ibadat umrah sunat atau wajib hendaklah disempurnakan sebelum melakukan Tawaf Wada'.  
(Pekeliling Ibadat Bil. 4/2011)

## NIAT BERSYARAT

### 2. NIAT BERSYARAT

#### Niat Ihram Umrah Bersyarat

Niat umrah yang dikaitan dengan sesuatu, jika terhasil sesuatu itu maka terlepas dari larangan ihram

Contoh Niat Bersyarat:

**“Sahaja aku mengerjakan umrah dan aku berihram dengannya kerana Allah S.W.T sekiranya aku terhalangan oleh haid, ketika itu aku jadi halal”**



Nota:

Tidak hanya terikat niat bersyarat bagi kes haid sahaja. Bagi kes penyakit dan sebarang halangan juga boleh diniatkan dengan cara bersyarat

## NIAT BERSYARAT

## NIAT BERSYARAT

### DALIL NIAT BERSYARAT

“

**Dari Aisyah R.A: Diba'ah binti Zuber masuk ke tempat Rasulullah S.A.W dan berkata Ya Rasulullah saya ingin melaksanakan haji akan tetapi saya sakit, maka Rasulullah S.A.W bersabda laksanakanlah haji dan bersyarat (menambah syarat dalam niat ihram) tempat Tahallulku di mana aku terhalang**

(HR Muslim)

## **NIAT BERSYARAT**

### **KEADAAN NIAT BERSYARAT YANG DIBOLEHKAN**

- Dalam keadaan tidak berhaid dia berniat ihram umrah dengan menyertakan syarat : “Sekiranya aku kedatangan haid dan haidku berterusan sehingga tarikh pulang maka jadi halallah aku”
- Dalam keadaan berhaid dia berniat ihram Umrah dengan menyertakan syarat : “Sekiranya haid aku berterusan sehingga tarikh pulang maka jadi halallah aku”

### **KEADAAN NIAT BERSYARAT YANG TIDAK DIBOLEHKAN**

- Dalam keadaan tidak berhaid dia berniat ihram umrah kemudian ketika kedatangan haid dia berkata : “Jika haid aku berterusan sehingga tarikh pulang maka jadi halallah aku”

## **NIAT BERSYARAT**

**DINASIHATKAN NIAT BERSYARAT HANYA DALAM KEADAAN  
BERIKUT :**

- 1 Ketika mengerjakan umrah selepas  
mengerjakan haji**
- 2 Ketika mengerjakan umrah diluar  
musim haji**



## **NIAT BERSYARAT**



### **PERINGATAN :**

**Tidak Dibenarkan Berniat Ihram Haji  
Bersyarat Kerana Dibimbangi Tidak  
Mendapat Haji Pada Tahun Tersebut. Ini  
Kerana Haji Terikat Dengan Waktu Tertentu**

**MINGGU 10**

**IBADAT UMRAH, NIAT BERSYARAT, TAWAF WADA' DAN ZIARAH MADINAH**

# **TAWAF WADA' TAWAF SELAMAT TINGGAL**

 +603 6207 1919  
Tabung Haji Contact Centre

 [www.facebook.com/tabunghaji](http://www.facebook.com/tabunghaji)

 [www.twitter.com/tabung\\_haji](http://www.twitter.com/tabung_haji)

 [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)

## TAWAF WADA'

### 3. TAWAF WADA'

**Tawaf Selamat Tinggal wajib dilakukan bagi mereka yang hendak meninggalkan Makkah jarak 2 marhalah (91 kilometer) atau lebih.**



## TAWAF WADA'

### HUKUM TAWAF WADA' WAJIB BAGI:

1

**Orang yang bermusafir meninggalkan Makkah pada jarak yang mengharuskan qasar solat iaitu kadar 2 marhalah.**

2

**Orang yang meninggalkan Makkah dan akan bermukim di luar Tanah Haram selama 4 atau lebih walaupun jaraknya kurang dari 2 marhalah sama ada penduduk Makkah atau pun bukan**

3

**Orang yang meninggalkan Tawaf Wada' tanpa uzur yang dibenarkan syara' dikenakan dam (Tertib dan Taqdir).**

## TAWAF WADA'

### UZUR SYARI'E DARIPADA TAWAF WADA' (Orang yang dipaksa meninggalkan Tawaf Wada')

- |  |   |
|--|---|
| <p><b>01</b> Perempuan yang didatangi haid, atau nifas</p> <p><b>02</b> Perempuan yang didatangi istihadah dalam tempoh haid</p> <p><b>03</b> Orang luka dan berdarah banyak yang boleh menajiskan masjid</p> <p><b>04</b> Orang yang tidak mendapat air/tanah untuk mengangkat hadas besar</p> <p><b>05</b> Orang yang takut terancam nyawa, kehormatan diri dan harta bendanya</p> <p><b>06</b> Orang yang takut ditinggalkan rakan seperjalanan</p> | <p><b>07</b> Orang yang berpenyakit salasulbaul (kencing tidak lawas)</p> <p><b>08</b> Orang yang dipaksa meninggalkan Tawaf (kes kecemasan/ darurat/ terdesak)</p> <p><b>09</b> Orang yang takut kepada peminta hutang, dalam keadaan tidak berupaya membayar hutang</p> <p><b>10</b> Orang yang terpaksa dipimpin atau diusung kerana uzur dan tidak mampu duduk diatas kerusi roda</p> <p><b>11</b> Orang yang dalam rawatan rapi dan berjadual</p> <p><b>12</b> Petugas yang kerap keluar masuk Makkah kerana tugas menguruskan jemaah haji</p> |
|--|---|

## TAWAF WADA'

### URUF SEMASA TAWAF WADA'

#### Dua Kategori

1

#### Golongan Yang Tiada Masalah Dalam Bab Safar (Musafir)

Tempoh menunggu 8 jam. Tempoh ini dalam keadaan biasa tanpa ada halangan atas sebab urusan berkaitan permusafiran.

Perkiraan masa 8 jam tersebut hendaklah dikira bermula dari masa jemaah haji sampai di bangunan penginapan setelah pulang dari Tawaf Wada'. Sekiranya jemaah tidak keluar dari Makkah dalam masa 8 jam selepas Tawaf Wada' bukan disebabkan masalah urusan berkaitan permusafiran, Tawaf Wada'nya dianggap telah batal dan perlu diulang semula.

## TAWAF WADA'

### URUF SEMASA TAWAF WADA'

#### 2 Golongan Yang Ada Masalah Dalam Bab Safar (Musafir)

Tempoh menunggu 24 jam. Tempoh ini adalah dalam keadaan di mana Tawaf Wada' telah selesai, kemudian dalam tempoh 24 jam baru dimaklumkan kelewatan pergerakan kenderaan keluar dari Makkah maka jemaah tidak perlu mengulang semula Tawaf Wada'. Perkiraan masa 24 jam tersebut hendaklah dikira bermula dari masa jemaah haji sampai di bangunan penginapan setelah pulang dari Tawaf Wada'

## TAWAF WADA'

### PERMASALAHAN TAWAF WADA'

#### SOALAN:

Apakah perkara-perkara yang perlu disempurnakan oleh Jemaah Haji sebelum mereka melakukan Tawaf Wada' dan sesudah melakukannya? Adakah boleh dengan sengaja melengahkan perjalanan kerana makan/minum, membeli-belah atau menziarahi kawan-kawan?

#### JAWAPAN:

Apa-apa sahaja perbuatan yang dilakukan selepas Tawaf Wada' yang tidak termasuk dalam kategori tanda-tanda yang menunjukkan hendak bermukim di Makkah (Mazannatul Iqamah) dan tidak bercanggah dengan konsep berakhir meninggal Makkah dengan Tawaf Wada' (Akhir Ahdi Bil Bait) adalah dibenarkan.

## TAWAF WADA'

### PERSIAPAN SEBELUM TAWAF WADA'

- Dapatkan maklumat penerbangan pulang dari Pejabat Maktab (bagi yang akan pulang ke Malaysia atau ke Madinah)
- Persiapan dan kemaskini semua barang keperluan (jika berhajat hendak belikan barang belilah sebelum melakukan Tawaf Wada')
- Beg bagasi di bawa ke lobi untuk urusan angkut ke bas oleh muassasah (ikut jadual yang dikeluarkan oleh Pejabat Maktab)
- Berwuduk dan pergi Tawaf Wada' dalam tempoh 4 atau 5 jam sebelum bertolak meninggalkan Makkah (ikut jadual dan arahan yang dikeluarkan oleh Pejabat Maktab)
- Tidak perlu memakai pakaian ihram
- Tidak perlu keluar ke miqat



## TAWAF WADA'

### NIAT TAWAF WADA'

Lafaz

**Sebelum Tawaf Wada' disyaratkan melafazkan niat berikut :**

**"Ya Allah aku hendak tawaf Baitullah Al Haram tujuh keliling Tawaf Wada' maka permudahkanlah bagiku dan terimalah daripadaku kerana Allah Ta'ala"**



## TAWAF WADA'

### PERLAKSANAAN TAWAF WADA'



#### PENTING

- **Tidak boleh dilakukan kecuali setelah sempurna melakukan Tawaf Rukun (Rukun Umrah atau Rukun Haji).**
- **Hendaklah bersegera meninggalkan Makkah kecuali kerana perkara berkaitan solat atau perjalanan.**

## TAWAF WADA'



### PERLAKSANAAN TAWAF WADA'

#### PERKARA YANG BOLEH DILAKUKAN SELEPAS TAWAF WADA' (SEMASA BERADA DALAM MASJID AI-HARAM)

- Menunaikan Solat Sunat Tawaf dan berdoa selepasnya di Masjid al-Haram
- Mengucup al-Hajarul Aswad
- Minum Air Zamzam
- Berdoa di Multazam
- Menunaikan solat fardhu sekiranya muazzin telah melaungkan azan atau muazzin sedang melaungkan azan
- Bergambar atau mengambil gambar, adalah lebih baik jika tidak bergambar atau tidak mengambil gambar



## TAWAF WADA'

### PERLAKSANAAN TAWAF WADA'

#### PERKARA YANG BOLEH DILAKUKAN SELEPAS TAWAF WADA'

- Makan dan minum di hotel.
- Qadha hajat.
- Mandi, menyalin dan menukar pakaian.
- Zikir dan membaca al-Quran sementara menunggu.
- Mengambil beg atau barang yang diletakkan/ditinggalkan di bilik penginapan.
- Mencari isteri, saudara, waris dan rakan yang hilang.
- Mengangkat barang-barang yang hendak dibawa bersama.
- Tidur dalam bilik hotel sementara menunggu bas atau ketibaan kenderaan.
- Melawat pasangan, saudara, waris, rakan yang sakit di hospital/klinik (bagi kes kecemasan dan hajat).



## TAWAF WADA'

## PERLAKSANAAN TAWAF WADA'

### PERKARA YANG BOLEH DILAKUKAN SELEPAS TAWAF WADA'



Sebarang urusan yang berkaitan dengan perjalanan sama ada ke Jeddah atau Madinah seperti membeli makanan dan minuman untuk kegunaan dalam perjalanan dan sebagainya. Menunggu kenderaan (lewat tiba kerana kesesakan dan sebagainya).

- Bersedekah ketika menunggu kedatangan kenderaan di penginapan.
- Membayar dam. Walaupun begitu, digalakkan untuk membayar sebelum Tawaf Wada'.
- Menunaikan solat fardhu di hotel berdekatan dengan berimamkan imam di Masjidil Haram.



\*Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Kali Ke-35 Musim Haji 1439H – 9-11 November 2018.

## TAWAF WADA'

### PERLAKSANAAN TAWAF WADA'



#### PERKARA YANG TIDAK DIGALAKKAN SELEPAS TAWAF WADA'



- Berlengah-lengah di dalam Masjidil Haram sehingga menyebabkan perjalanan jemaah haji lain terganggu kerana menunggu kepulangan jemaah tersebut
- Bersedekah semasa dalam Masjidil Haram atau dalam perjalanan balik ke Bangunan Penginapan. (jika bersedekah sambil berjalan tidak tercari-cari maka tidak batal)

## TAWAF WADA'

## PERLAKSANAAN TAWAF WADA'



### PERKARA YANG TIDAK DIGALAKKAN SELEPAS TAWAF WADA' (DALAM PERJALANAN KE BANGUNAN PENGINAPAN)



- Membeli barang yang tiada kaitan dengan keperluan perjalanan seperti tasbih, minyak wangi, cincin, kain tudung, makanan burung dan sebagainya walaupun dengan nilai SR1.
- Bergambar atau mengambil gambar **semasa dalam perjalanan** ke bangunan penginapan.



#### PERHATIAN

Dbolehkan bergambar atau mengambil gambar, **setelah sampai** ke bangunan penginapan

**MINGGU 10**

**IBADAT UMRAH, NIAT BERSYARAT, TAWAF WADA' DAN ZIARAH MADINAH**

# ZIARAH MADINAH

 +603 6207 1919  
Tabung Hajj Contact Centre

 [www.facebook.com/tabunghaji](http://www.facebook.com/tabunghaji)

 [www.twitter.com/tabung\\_haji](http://www.twitter.com/tabung_haji)

 [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)

**MINGGU 10**  
IBADAT UMRAH, NIAT BERSYARAT, TAWAF WADA' DAN ZIARAH MADINAH

## ZIARAH MADINAH



**THCC** +603 6207 1919  
Tabung Hajj Contact Centre

**f** [www.facebook.com/tabunghaji](https://www.facebook.com/tabunghaji)

**t** [www.twitter.com/tabung\\_haji](https://www.twitter.com/tabung_haji)

**g** [www.tabunghaji.gov.my](https://www.tabunghaji.gov.my)

MINGGU 10  
IBADAT UMRAH, NIAT BERSYARAT, TAWAF WADA' DAN ZIARAH MADINAH

## ZIARAH MADINAH

### LOKASI BANGUNAN PENGINAPAN JEMAAH HAJI MADINAH



THCC +603 6207 1919  
Tabung Haji Contact Centre

f [www.facebook.com/tabunghaji](https://www.facebook.com/tabunghaji)

t [www.twitter.com/tabung\\_haji](https://www.twitter.com/tabung_haji)

g [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)

## ZIARAH MADINAH

### KELEBIHAN BERSOLAT DI MASJID NABAWI

صَلَاةُ فِي مَسْجِدٍ هَذَا خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ صَلَاةٍ فِيمَا سِوَاهُ  
إِلَّا الْمَسْجِدُ الْحَرَامُ

“

Pahala sembahyang di Masjidku ini adalah seribu (1,000) kali lebih baik daripada sembahyang di masjid lain kecuali di Masjidil Haram”.

Jumhur Ulama' berpendapat: Semua bangunan tambahan selepas zaman Rasulullah S.A.W adalah termasuk dalam “Masjidku”. Ini bermakna sesiapa yang bersolat di mana-mana bahagian tersebut tetap akan mendapat ganjaran pahala seribu kali ganda.

## ZIARAH MADINAH

### OBJEKTIF ZIARAH MADINAH

Memberi kefahaman kepentingan ziarah madinah, menghayati sirah perjuangan Rasul S.A.W dan sahabat serta membina kecintaan kepada Nabi dan sahabat.

Sebagai tanda terima kasih dan penghargaan yang amat tinggi terhadap kesusahan dan pengorbanan yang dibuktikan oleh Rasul S.A.W dan para sahabat mengembangkan Islam bermula di Madinah sehingga kita dapat menikmati nikmat islam dan iman.

Beramal dengan syariat yang dibawa oleh Baginda S.A.W dan tingkatkan ketqawaan dan keimanan kepada Allah s.W.T.

## ZIARAH MADINAH

### AMARAN ATAU ANCAMAN MELAKUKAN KEZALIMAN ATAU MAKSIAT DI MADINAH:

عن علي بن أبي طالب رض قال: قال النبي ﷺ: ((المَدِيْنَةُ حَرَمٌ مَا بَيْنَ  
عَيْنِ إِلَى ثَوْرٍ، فَمَنْ أَحْدَثَ فِيهَا حَدَثًا، أَوْ آوَى مُحْدَثًا، فَعَلَيْهِ لَعْنَةُ اللهِ  
وَالْمَلَائِكَةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ، لَا يُقْبَلُ مِنْهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ صَرْفٌ وَلَا عَدْلٌ)).  
رواد البخاري و مسلم.

- “ Madinah adalah tanah haram. Letaknya di antara Bukit E'ir dan Bukit Thur. Sesiapa yang melakukan kezaliman (maksiat) atau melindungi orang yang melakukan kezaliman (maksiat) di dalamnya, maka atasnya lakenat Allah, malaikat dan manusia seluruhnya sertasemua amalan baiknya, sama ada yang wajib atau sunat tidak diterima oleh Allah S.W.T daripadanya pada Hari Kiamat”.

## ZIARAH MADINAH

### KELEBIHAN MATI DI MADINAH:

(مَنْ اسْتَطَاعَ أَنْ يَمُوتَ بِالْمَدِينَةِ فَلْيَفْعُلْ، فَإِنَّمَا أَشْفَعَ لِمَنْ مَاتَ بِهَا)  
رواه أحمد والترمذى وابن ماجه وصححه أحمد شاكر والألبانى.

“Sesiapa yang mampu untuk mati/meninggal di Madinah hendaklah dilakukannya, sesungguhnya aku akan memberi syafaat kepada mereka yang mati/meninggal di Madinah”.

## ZIARAH MADINAH

### KELEBIHAN BERSABAR MENANGGUNG KESUSAHAN YANG DIHADAPI DI MADINAH:

لَا يَصِيرُ عَلَى لَأْوَاءِ الْمُدِينَةِ وَشَدَّتِهَا أَحَدُ مِنْ أُمَّتِي إِلَّا كُنْتُ لَهُ  
شَفِيعًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَوْ شَهِيدًا

“ Mana-mana individu / umatku yang bersabar menanggung kesusahan dan kepayahan di Madinah, akan aku beri syafaat kepadanya pada Hari Kiamat, atau aku menjadi saksi kepadanya ”.

## ZIARAH MADINAH

### DALIL BERSALAWAT

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ  
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

- “Sesungguhnya Allah dan malaikatNya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad s.a.w); wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya. (Surah al-Ahzab, 56)

## ZIARAH MADINAH

### KELEBIHAN BERSALAWAT

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ،  
إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ، وَبَارَكْتَ عَلَى مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى  
آلِ إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمَيْنِ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ

“ Ya Allah curahkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad dan keluarga baginda, sebagaimana Engkau telah curahkan selawat ke atas Nabi Ibrahim dan keluarga baginda. Sesungguhnya Engkau Maha Terpuji Lagi Maha Mulia. Ya Allah curahkanlah barokah ke atas Nabi Muhammad dan keluarga baginda, sebagaimana Engkau telah curahkan barokah ke atas Nabi Ibrahim dan keluarga baginda. Sesungguhnya Engkau Maha Terpuji Lagi Maha Mulia.

(Riwayat Imam al-Bukhari Bil 3370 dan Muslim Bil 405)

## ZIARAH MADINAH

### ZIARAH MADINAH - HUKUMNYA SUNAT

#### ZIARAH MASJID NABAWI

Masjid Nabawi

Maqam Rasulullah

Maqam 2 Sahabat

Raudhah

Perkuburan Al-baqi'

#### ZIARAH TEMPAT SEJARAH

Masjid Quba'

Masjid Qiblatain

Syuhada' Uhud

Masjid Tujuh

Masjid-masjid Lain

#### KELEBIHANNYA

- Sembahyang Di Masjid Nabawi ( Di Dalam Masjid) Mendapat Gandaan Pahala 1,000 Kali Ganda. Tidak Termasuk Laman Masjid Nabawi Tiada Solat Sunat Tahayyat Masjid Dan Niat Iktikaf Di Laman Masjid Nabawi
- Melihat Kesan Sejarah Rasulullah Dan Sahabat -Sahabatnya Yang Boleh Meningkatkan Keimanan Dan Ketaqwaan

MINGGU 10

IBADAT UMRAH, NIAT BERSYARAT, TAWAF WADA' DAN ZIARAH MADINAH

## ZIARAH MADINAH

### PINTU BABUSSALAM



THCC +603 6207 1919  
Tabung Haji Contact Centre

f [www.facebook.com/tabunghaji](https://www.facebook.com/tabunghaji)

t [www.twitter.com/tabung\\_haji](https://www.twitter.com/tabung_haji)

globe icon [www.tabunghaji.gov.my](https://www.tabunghaji.gov.my)

MINGGU 10  
IBADAT UMRAH, NIAT BERSYARAT, TAWAF WADA' DAN ZIARAH MADINAH

## ZIARAH MADINAH

## ZIARAH RAUDHAH

THCC +603 6207 1919  
Tabung Haji Contact Centre


 [www.facebook.com/tabunghaji](http://www.facebook.com/tabunghaji)

 [www.twitter.com/tabung\\_haji](http://www.twitter.com/tabung_haji)

 [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)

# ZIARAH MADINAH

## ZIARAH RAUDHAH



# ZIARAH MADINAH

BAB JIBRIL



## ZIARAH MAQAM RASULULLAH S.A.W

KE BABUL BAQI'

TEMPAT ZIARAH JEMAAH HAJI LELAKI

KE BABUSSALAM

**Tempat Jemaah Lelaki  
Mengucapkan Salam  
Kepada Rasulullah S.A.W Dan  
Dua Sahabat Baginda**



**ARAH  
QIBLAT**

**MINGGU 10**  
IBADAT UMRAH, NIAT BERSYARAT, TAWAF WADA' DAN ZIARAH MADINAH

## ZIARAH MADINAH

### ZIARAH MAQAM RASULULLAH S.A.W



**THCC** +603 6207 1919  
Tabung Haji Contact Centre

**f** [www.facebook.com/tabunghaji](https://www.facebook.com/tabunghaji)

**t** [www.twitter.com/tabung\\_haji](https://www.twitter.com/tabung_haji)

**globe** [www.tabunghaji.gov.my](https://www.tabunghaji.gov.my)

MINGGU 10  
IBADAT UMRAH NIAT BERSYARAT, TAWAF WADA' DAN ZIARAH MADINAH

## ZIARAH MADINAH

## ZIARAH MAQAM RASULULLAH S.A.W

MAQAM RASULULLAH SAW DAN DUA SAHABAT BAGINDA



THCC +603 6207 1919  
Tabung Haji Contact Centre

[f www.facebook.com/tbhahjil](https://www.facebook.com/tbhahjil)

[@www.twitter.com/tbhahjil](https://www.twitter.com/tbhahjil)

[www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)

## ZIARAH MADINAH

## ZIARAH MAQAM RASULLAH S.A.W

السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ الْكَرِيمُ وَالرَّسُولُ الْعَظِيمُ وَالرَّءُوفُ الرَّحِيمُ  
وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ، السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا نَبِيَّ اللَّهِ، السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا  
صَفْوَةَ خَلْقِ اللَّهِ، السَّلَامُ يَا حَبِيبَ اللَّهِ، أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَإِنَّكَ عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّكَ بَلَغْتَ الرِّسَالَةَ،  
وَأَدَّيْتَ الْأَمَانَةَ، وَنَصَحتَ الْأُمَّةَ، وَجَاهَدْتَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، فَصَلَّى اللَّهُ  
عَلَيْكَ صَلَاةً دَائِمَةً إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، اللَّهُمَّ اتِّهِ الْفَضِيلَةَ وَالدَّرَجَةَ  
الرَّقِيقَةَ وَابْعَثْهُ مَقَاماً مَحْمُودًا الَّذِي وَعَدْتَهُ إِنَّكَ لَا تُخْلِفُ الْمِيعَادَ.

## ZIARAH MADINAH

### MAQAM SAIDINA ABU BAKAR

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا خَلِيفَةَ رَسُولِ اللَّهِ، السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا صَاحِبَ رَسُولِ اللَّهِ فِي الْغَارِ، السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا أَمِينَهُ عَلَى الْأَسْرَارِ، جَزَاكَ اللَّهُ عَنَّا أَفْضَلَ مَا جَزَى بِهِ إِمَاماً عَنْ أُمَّةٍ نَبِيٍّ، فَلَقَدْ خَلَفْتَهُ أَحْسَنَ الْخَلَفِ، وَسَلَكْتَ طَرِيقَهُ وَمِنْهَاجَهُ خَيْرَ سُلُوكٍ، وَنَصَرْتَ الْإِسْلَامَ، وَوَصَّلْتَ الْأَرْحَامَ وَلَمْ تَرْزُلْ قَائِمًا بِالْحَقِّ حَتَّى أَتَاكَ الْيَقِينُ، وَالسَّلَامُ عَلَيْكَ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.

## ZIARAH MADINAH

### MAQAM SAIDINA UMAR AL-KHATTAB

عَلَيْكَ يَا مُظْهِرَ الْإِسْلَامِ، السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا فَارُوقُ، السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا مَنْ نَطَقَ بِالصَّوَابِ، وَكَفَلَتِ الْأَيْتَامَ وَوَصَلَتِ الْأَرْحَامَ وَقَوَيَّ بِكَ الْإِسْلَامَ،  
السَّلَامُ عَلَيْكَ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.

**MINGGU 10**  
IBADAT UMRAH, NIAT BERSYARAT, TAWAF WADA' DAN ZIARAH MADINAH

# ZIARAH MADINAH

## ZIARAH BAQI'



**THCC +603 6207 1919**  
Tabung Haji Contact Centre

**f** [www.facebook.com/tabunghaji](https://www.facebook.com/tabunghaji)

**t** [www.twitter.com/tabung\\_haji](https://www.twitter.com/tabung_haji)

**globe** [www.tabunghaji.gov.my](https://www.tabunghaji.gov.my)

**MINGGU 10**  
IBADAT UMRAH, NIAT BERSYARAT, TAWAF WADA' DAN ZIARAH MADINAH

## ZIARAH MADINAH

### KAWASAN DALAM PERKUBURAN BAQI



**THCC** +603 6207 1919  
Tabung Haji Contact Centre


**f** [www.facebook.com/tbhajil](https://www.facebook.com/tbhajil)

**t** [www.twitter.com/tbhajil](https://www.twitter.com/tbhajil)

**globe** [www.tabunghajil.gov.my](https://www.tabunghajil.gov.my)

## ZIARAH TEMPAT SEJARAH

### MASJID QUBA'



03

04

## ZIARAH TEMPAT SEJARAH

### DESTINASI MASJID QUBA'

- Terletak di perkampungan Quba' kira-kira 3 km dari arah Selatan Bandar Madinah. Keluasannya sekarang 5035 m persegi.
  - Masjid yang pertama dibina dalam sejarah Islam berdasarkan Firman Allah S.W.T
- “ Sesungguhnya Masjid yang didirikan atas dasar takwa sejak hari pertama adalah lebih patut kamu bersolat di dalamnya ... ” (Surah Al Taubah :108).
- Imam Bukhari meriwayatkan daripada Ibnu Umar bahawa Rasulullah S.A.W selalu pergi ke Masjid Quba' pada hari Sabtu sama ada dengan menaiki unta atau berjalan kaki. Adakalanya baginda pergi pada hari Isnin dan Khamis.
  - Rasulullah S.A.W juga bersabda :  
“ Sesiapa yang berwuduk di rumahnya , kemudian pergi ke Masjid Quba' untuk bersolat , akan diberi ganjaran pahala seperti pahala menunaikan Umrah”( Riwayat Ibnu Majah)

**MINGGU 10**  
IBADAT UMRAH, NIAT BERSYARAT, TAWAF WADA' DAN ZIARAH MADINAH

## ZIARAH TEMPAT SEJARAH

### MASJID QIBLATAIN



**THCC +603 6207 1919**  
Tabung Haji Contact Centre

**f** [www.facebook.com/tabunghaji](https://www.facebook.com/tabunghaji)

**t** [www.twitter.com/tabung\\_haji](https://www.twitter.com/tabung_haji)

**globe** [www.tabunghaji.gov.my](https://www.tabunghaji.gov.my)

## ZIARAH TEMPAT SEJARAH

### LOKASI MASJID QIBLATIN

Terletak di tengah-tengah perkampungan Bani Salamah iaitu di bahagian barat daya madinah. Perintah Allah S.W.T kepada Rasullullah S.A.W agar menukar kiblat solat daripada Baitulmuqadis di Palestin ke arah Kaabah di Masjidil Haram.

“ Sesungguhnya kami melihat muka kamu sering mendongak ke langit, maka benar-benar kami akan memalingkan kamu ke kiblat yang kamu suka. Palingkanlah mukamu ke arah Masjidil Haram . Dan di mana saja kamu berada palingkanlah muka kamu ke arahnya. Dan sesungguhnya orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberi Al-Kitab (Taurat dan Injil) memang mengetahui bahawa berpaling ke Masjidil Haram itu adalah kebenaran dari Tuhan mereka dan Allah S.W.T sekali-kali tidak lengah daripada apa yang mereka kerjakan ”.

(Surah Al Baqarah : Ayat 144)

**MINGGU 10**  
IBADAT UMRAH, NIAT BERSYARAT, TAWAF WADA' DAN ZIARAH MADINAH

## ZIARAH TEMPAT SEJARAH

## SEBAHAGIAN MASJID TUJUH



**THCC** +603 6207 1919  
Tabung Hajj Contact Centre

**f** [www.facebook.com/tabunghaji](https://www.facebook.com/tabunghaji)

**t** [www.twitter.com/tabung\\_haji](https://www.twitter.com/tabung_haji)

**g** [www.tabunghaji.gov.my](https://www.tabunghaji.gov.my)

**MINGGU 10**  
IBADAT UMRAH, NIAT BERSYARAT, TAWAF WADA' DAN ZIARAH MADINAH

## ZIARAH TEMPAT SEJARAH

### JABAL UHUD DAN PERKUBURAN SYUHADA

**THCC** +603 6207 1919  
Tabung Hajj Contact Centre

**f** [www.facebook.com/tabunghaji](https://www.facebook.com/tabunghaji)

**t** [www.twitter.com/tabung\\_haji](https://www.twitter.com/tabung_haji)

**g** [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)

**MINGGU 10**  
IBADAT UMRAH, NIAT BERSYARAT, TAWAF WADA' DAN ZIARAH MADINAH

## ZIARAH TEMPAT SEJARAH

### JABAL AL-RUMAT



**THCC +603 6207 1919**  
Tabung Hajj Contact Centre

**f** [www.facebook.com/tabunghaji](https://www.facebook.com/tabunghaji)

**t** [www.twitter.com/tabung\\_haji](https://www.twitter.com/tabung_haji)

**g** [www.tabunghaji.gov.my](https://www.tabunghaji.gov.my)

*Hadirku sebagai Dhuyufurrahman  
Kembaliku dengan Kemabruran*

SEMOGA SEMUA BAKAL JEMAAH HAJI YANG DIKASIH

DIBERIKAN OLEH ALLAH S.W.T

**KESABARAN & KETENANGAN**

SERTA DIDOAKAN MENDAPAT SEBAIK-BAIK

**GANJARAN**

*Haji & Umrah Yang Mabrur*